

Tol: Ugutan bukan cara atasi masalah

Oleh ZULKOFI JAMALUDIN

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan boleh mengkaji semula kadar bayaran tol di Cheras, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, ugutan dan demonstrasi bukannya cara yang harus digunakan oleh rakyat untuk menyelesaikan sebarang masalah.

Katanya, rakyat juga tidak boleh menyelesaikan perkara seperti keperluan membayar tol dengan cara menyebelahi parti pembangkang.

Sebelum itu, ketika bas yang dinaiki oleh Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongan tiba di plaza tol Jalan Cheras dalam perjalanan ke Bandar Tun Razak petang ini, sekumpulan penunjuk perasaan membawa sepanduk dan poster sebagai membantah cadangan pembayaran tol di situ. Ahli Parlimen kawasan Sungai Besi daripada DAP, Encik Tan Kok Wai, kelihatan berada bersama kumpulan itu.

"Kalau rakyat hendak pilih DAP, apa yang DAP boleh buat jika kerajaan hendak mengenakan tol," katanya kepada pemberita selepas berucap di Perhimpunan Rakyat sebagai mengakhiri lawatan lima jam ke sekitar Wilayah Persekutuan di Bandar Tun Razak di sini.

Ditanya sama ada Barisan Nasional bersedia menghapuskan tol di Jalan Cheras jika ia memenangi kerusi kawasan Sungai Besi dalam pilihanraya umum akan datang, Perdana Menteri berkata:

"Bagi menghapuskannya, kita tidak berani hendak kata tetapi kita boleh kaji," katanya.

Perdana Menteri berkata DAP menjadikan cadangan pembayaran tol berkenaan sebagai isu politik untuk mendapatkan undi dan bukan sebenarnya bertujuan berkhidmat kepada rakyat.

Katanya, kerajaan membina jalan raya untuk memudahkan rakyat tetapi mereka hendaklah sanggup membayar

sedikit sebanyak tol bagi meringankan perbelanjaan.

"Kalau semua hendak percuma, mana kerajaan hendak cari duit," katanya.

Menurutnya, walaupun orang ramai mungkin terpaksa membayar tol, tetapi mereka tetap untung dari segi menjimatkan minyak dan mengurangkan perbelanjaan penyelenggaraan kereta kerana keadaan jalan raya yang baik.

Katanya, tujuan kerajaan mengenakan tol ialah untuk mendapatkan semula wang yang dilabur untuk pembinaan lebuhraya bagi membolehkan kerajaan menyalurkan lebih pembangunan kepada rakyat.

"Kerajaan bekerja untuk membangunkan rakyat. Dengan jalan raya yang baik, ramai pelabur luar akan datang dan rakyat sendiri mendapat kemudahan untuk berulang-alik ke sesuatu tempat serta menjimatkan minyak," katanya.